

28/01/2000

Pelabur Clob wajar pertimbang cadangan sedia ada: Daim

PELABUR Central Limit Order Book (Clob) dinasihatkan supaya menumpukan kepada cadangan penyelesaian sedia ada bagi mengelakkan isu pembekuan sekuriti itu berterusan tanpa dapat diselesaikan.

Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin, berkata jika pelabur berkenaan serius untuk menyelesaikan isu itu mereka mesti melupakan cadangan penyelesaian baru dan pertimbangkan cadangan sedia ada.

"Jangan membuang masa menunggu cadangan penyelesaian baru," katanya selepas merasmikan Persidangan Gabenor Bank Pusat Asia Tenggara (Seacen) di Seri Kembangan, Selangor, semalam.

Katanya, pelabur sepatutnya mempertimbangkan cadangan sedia ada, jika tidak lebih banyak cadangan yang akan datang dan seterusnya akan mengambil lebih lama untuk isu itu diselesaikan.

Sekuriti bursa dagangan tidak rasmi Singapura, Clob sudah dibekukan sejak 1 September 1998 selaras dengan pengenalan langkah kawalan modal berpilih-pilih. Sehingga kini ada enam syarikat persendirian menawarkan menyelesaikan isu itu. Kebanyakan cadangan berkenaan membabitkan pembelian tunai sekuriti menerusi pembayaran secara berperingkat dalam tempoh jualan, 12 bulan.

Pelabur Clob bagaimanapun menolak semua cadangan berkenaan.

Sementara itu, ditanya sama ada cadangan pertemuan antara Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong selepas Tahun Baru Cina nanti dianggap sebagai isu Clob kini akan diselesaikan secara inisiatif kerajaan-dengan-kerajaan, Daim berkata: "Tidak."

Katanya, kedua-dua kerajaan bersetuju untuk menyelesaikan isu itu secepat mungkin tetapi ia adalah masalah sektor swasta, Bursa Saham Singapura (SES) dan Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

"Kerajaan tidak akan menyelamatkan sektor swasta," katanya.

Katanya, kerajaan tidak akan campur tangan selagi sektor swasta tidak meminta kerajaan berbuat demikian.

"Apa yang perlu dibuat sekang adalah kedua-dua bursa seharusnya bertemu untuk berbincang mencari jalan penyelesaian tetapi mereka belum berbuat demikian," katanya.

Daim juga berkata, beliau baru menjawab surat yang dihantar Menteri Kewangan Singapura, Richard Hu berhubung kontrak Central Depository Pte Ltd (CDP) dan SCANS. CDP juga bertindak sebagai nomini pelabur Clob. Akan tetapi beliau tidak mengulas lanjut.

(END)